

22/01/1997

MSC boleh! Malaysia boleh!

LAWATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat dan Jepun bertujuan mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada pelabur kedua-dua negara yang disifatkan sebagai negara maju dalam bidang teknologi maklumat (IT) di dunia.

Dalam usaha mempromosi MSC kepada syarikat IT dan perfileman di Amerika Syarikat, Perdana Menteri memberikan pelbagai sebab kenapa mereka perlu memilih MSC sebagai pusat pelaburan industri multimedia.

Jika dilihat dan diperhalusi ucapan Dr Mahathir ketika mempromosi MSC di Amerika Syarikat, nyata sekali beliau cuba meyakinkan pelabur syarikat IT dan perfileman Hollywood menggunakan kemudahan di MSC untuk meneroka pasaran Asia dan dunia.

Ada benarnya, jika idea kepelbagaian sumber budaya digunakan oleh studio perfileman Hollywood untuk menerbitkan filem mereka maka ia akan lebih diterima oleh masyarakat Asia berbanding filem yang dikeluarkan sekarang lebih banyak memenuhi aspirasi serta cita rasa rakyat Amerika Syarikat.

Perdana Menteri menyifatkan MSC sebagai usaha berani membangunkan tapak serantau untuk syarikat pembangunan atau menggunakan teknologi multimedia.

Beliau berkata, MSC bertujuan mengubah urusan perniagaan dengan memaksimumkan potensi multimedia dan mengintegrasikan undang-undang siber dan infrastruktur maklumat dalam persekitaran fizikal yang menarik.

MDC dijangka boleh membentuk MSC sebagai pusat teknologi Asia, tempat pemaju dan pengguna multimedia boleh menggunakan kelebihan Malaysia dalam membangunkan keluaran untuk serantau dan pasaran global.

Syarikat yang berhasrat untuk menyertai MSC boleh memohon kepada MDC untuk status MSC yang membolehkan mereka menikmati pengecualian cukai sehingga 10 tahun atau menerima 100 peratus cukai elaun pelaburan dan insentif serta keuntungan lain yang disokong oleh Bil Jaminan Kerajaan Malaysia.

Bil Jaminan itu memperuntukkan bahawa kerajaan memberi kebenaran kepada syarikat dengan Status MSC menyediakan kemudahan maklumat dan fizikal bertaraf dunia, membenarkan pengambilan pekerja tempatan dan asing serta memastikan kebebasan pemilikan oleh syarikat yang dikecualikan daripada keperluan pemilikan tempatan.

Komitmen lain ialah memberi kebebasan kepada mendapatkan modal untuk infrastruktur MSC dan hak untuk meminjam secara global, menyediakan persaingan insentif kewangan, menjadi pemimpin serantau dalam perlindungan harta intelektual dan undang-undang siber.

Selain itu, kerajaan memastikan tiada tapisan Internet, menyediakan persaingan tarif telekomunikasi, memberi tender kontrak infrastruktur MSC kepada syarikat yang bersedia menggunakan MSC menjadi pusat serantau dan menyediakan agensi pelaksanaan untuk bertindak sebagai pusat setempat yang berkesan.

Kesediaan 30 Ketua Eksekutif dan Presiden syarikat IT terkemuka dunia untuk menduduki Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi memberi panduan menjayakan MSC membayangkan minat yang mendalam menjayakan MSC.

Tanggungjawab utama anggota IAP ialah memberi nasihat dan saranan kepada Perdana Menteri dan kerajaan mengenai isu strategik berkaitan MSC seperti infrastruktur dan alam sekitar, dasar dan undang-undang siber, pemasaran dan insentif, dan pembangunan industri dalam negara.

Ketua Pegawai Operasi MDC, Dr Mohamed Arif berharap antara 20 dan 30 syarikat yang diwakili oleh anggota IAP akan melabur dalam MSC, yang

direka bentuk khusus untuk menarik pemaju teknologi multimedia terkemuka.

Walaupun mesyuarat pertama IAP selama enam jam setengah tidak dihadiri oleh Bill Gates, Ketua Eksekutif Apple, Gilbert Amelio dan Ketua Eksekutif IBM, Louis Gerstner, Presiden Siemens Corporation, Dr Heinrich von Pierer, Alvin Toffler dan Presiden Fujitsu, Tadashi Sekizawa, namun ahli lain yang hadir menyatakan sokongan kepada MSC dan memberikan idea bernas kepada Perdana Menteri menjayakan gagasan besar Malaysia untuk muncul sebagai negara terulung dalam industri multimedia.

Apa yang penting setelah usaha promosi PM itu, langkah susulan perlu dilakukan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk terus meyakinkan mereka mengenai kesungguhan kita menjayakan MSC.

Jika dilihat daripada syarikat yang sudah diberi taraf syarikat berstatus MSC iaitu menikmati pelbagai kemudahan seperti tahap perintis dan Akta Jaminan Kerajaan Malaysia (Bill of Guarantee), Sun Microsystems Inc mendahului syarikat IT lain dengan diberi status berkenaan bagi melakukan penyelidikan dalam bidang perisian Java.

Syarikat lain yang sudah menyatakan komitmen ialah Nippon Telephone and Telegraph (NTT) yang berjanji akan memindahkan kesemua pusat penyelidikan dan pembangunannya di Jepun ke MSC.

Berdasarkan bilangan syarikat multinasional IT yang ada sudah tentu tidak memadai untuk mewujudkan industri multimedia.

Kebanyakan syarikat multinasional IT lain masih bersikap tunggu dan lihat mengenai MSC manakala setengahnya masih kabur dengan apa yang hendak dilakukan oleh Malaysia melalui MSC.

Langkah PM mempromosi MSC ke Amerika Syarikat, Jepun dan kemudiannya Eropah memang kena pada masanya bagi menghapus kekeliruan dan menerangkan kepada mereka faedah yang bakal diperolehi.

Jika MSC berjaya, kita boleh memendekkan proses panjang yang diperlukan untuk mencapai status negara maju.

Kalau perancangan yang dilakukan itu menjadi kenyataan dan dengan izin Allah kita akan muncul sebagai negara maju sebelum 2020.

(END)